

Dagangan Januari 2014 Naik 9.8 Peratus Kepada RM121.59 Bilion
Bernama
7 Mac, 2014

KUALA LUMPUR, 7 Mac (Bernama) -- Jumlah dagangan Malaysia pada Januari 2014 meningkat 9.8 peratus kepada RM121.59 bilion berbanding RM110.72 bilion pada bulan yang sama pada tahun lepas, kata Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) Jumaat.

Peningkatan ini disumbangkan oleh perdagangan lebih tinggi dengan Republik Rakyat China (PRC), yang meningkat sebanyak RM2.18 bilion, Kesatuan Eropah (EU) (naik RM1.5 bilion), Korea Republik (naik RM1.47 bilion), Australia (naik RM1.35 bilion), Hong Kong (naik RM1.13 bilion) dan Jepun (naik RM979.3 juta).

Eksport Malaysia bulan Januari terus mencatat pertumbuhan positif Julai 2013 dengan peningkatan 12.2 peratus tahun ke tahun kepada RM63.97 bilion.

Dalam kenyataan Jumaat, kementerian itu berkata semua sektor perkilangan, perlombongan dan pertanian turut mencatatkan pertumbuhan eksport.

Katanya eksport perkilangan meningkat 13.5 peratus kepada RM42.05 bilion, menyumbang 65.7 peratus kepada jumlah eksport Januari 2014, yang sebahagian besarnya disumbangkan oleh eksport barangan elektrik dan elektronik (E&E) yang tinggi.

Eksport barangan perlombongan berkembang 14.1 peratus kepada RM15.76 bilion atau 24.6 peratus daripada jumlah eksport manakala eksport barangan pertanian meningkat kepada 1.7 peratus kepada RM5.76 bilion, dengan sembilan peratus daripada jumlah eksport disumbangkan oleh eksport minyak sawit, katanya.

Kementerian itu juga berkata eksport terbesar bulan ini ialah produk E&E, produk petroleum bertapis, gas cecair asli, barangan kimia dan kimia, serta minyak sawit.

Eksport kepada PRC terus mencatat pertumbuhan dua digit, meningkat 27.2 peratus kepada RM8.26 bilion, dengan pertumbuhan yang disumbangkan sektor perkilangan dan komoditi, ujarnya.

Ia berkata eksport ke EU melonjak 26.1 peratus kepada RM5.95 bilion, disumbangkan terutama oleh kenaikan dalam eksport ke Belanda, Jerman dan United Kingdom.

Eksport ke Jepun meningkat 12.2 peratus kepada RM7.52 bilion berbanding setahun lepas, sementara eksport barangan perkilangan ke Asean bertambah sebanyak 5.7 peratus kepada RM639.3 juta.

Eksport ke US kekal pada RM4.97 bilion pada Januari 2014, dengan barangan E&E menyumbang 54.3 peratus dari jumlah eksport.

Pasaran lain seperti Hong Kong, Australia, Korea, New Zealand dan United Arab Emirates juga mencatat pertumbuhan ketara dalam eksport, katanya.

Jumlah import pada Januari 2014 meningkat 7.2 peratus kepada RM57.62 bilion berbanding Januari tahun lepas, katanya dan menambah tiga kategori utama import ialah barangan perantara penggunaan akhir, barangan modal dan barangan penggunaan.

Barangan perantaraan bernilai RM34.03 bilion atau 59.1 peratus daripada jumlah import, meningkat sebanyak 8.2 peratus berbanding tempoh yang sama pada 2013.

Barangan modal, bernilai pada RM8.02 bilion atau 13.9 peratus daripada jumlah import, meningkat 2.5 peratus manakala barangan penggunaan yang menyumbang RM4.3 bilion atau 7.5 peratus jumlah import, naik 9.9 peratus, kata MITI.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1020021>